



Muslifah bidik dua emas

Dominasi 10 meter air rifle individu dan emas acara sama kategori berpasukan

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris

wannoriza@nstp.com.my

PENEMBAK elit kebangsaan, Muslifah Zulkifli (*gambar*), cemerlang melakukan dua bidikan emas buat Universiti Teknologi Mara (UiTM) sekali gus mencuri tumpuan pada hari terakhir acara menembak Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang, semalam.

Penuntut tahun dua jurusan Sains Sukan itu gah mendominasi acara 10 meter air rifle individu sebelum membantu dua lagi rakan sepakannya, Nur Farah Afiqah Mohd Noh dan Rosshafira Mohd meraih emas acara sama berpasukan.

Lantaran kemenangan berganda itu, dia sekali gus menyumbang kepada kejayaan UiTM menduduki tangga kedua keseluruhan acara menembak dengan pungutan dua emas, dua perak dan dua gangsa.

Universiti Putra Malaysia

(UPM) mengungguli saingan dengan tiga emas, tiga perak dan dua gangsa manakala ketiga, Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) dengan dua emas.

“Memandangkan menembak tidak tersenarai di Sukan Universiti Asean (AUG), Laos, saya akan memberi tumpuan penuh merealisasikan sasaran meraih pingat emas di Sukan Sea Myanmar tahun depan.

“Malah, saya juga mula buat persiapan untuk melayakkan diri ke Olimpik Rio 2016 selepas tewas satu mata di saingan kelayakan ke London.

“Jika kekal konsisten, tidak mustahil saya memenangi emas di Sukan Sea dan menempah slot ke Olimpik Rio.

“Apatah lagi, saya baru saja memenangi gangsa acara kegemaran 50m rifle tiga posisi individu di Kejohanan Menembak Asia di Kuwait, Januari lalu.

“Kemenangan di Kuwait sekali gus meletakkan diri selaku 10 penembak terbaik Asia dan saya juga pernah

berada di ranking ke-17 dunia,” kata pemenang dua pingat perak 10m air rifle dan 50m prone air rifle Sukan Sea Indonesia, tahun lalu.

Sementara itu, dalam acara renang, bekas atlet kebangsaan, Chui Lai Kwan semakin hampir memburu gelaran olahragawati SUKIPT sekiranya berjaya menambah empat lagi koleksi emas, hari ini.

“Dengan kemenangan empat lagi pingat emas hari ini (semalam), saya sudah mengumpul 10 emas setakat ini dan sekiranya berjaya mendapat empat lagi kemenangan, maka secara keseluruhan saya meraih 14 emas.

“Sudah pasti saya amat bangga andai berjaya meraih gelaran olahragawati SUKIPT apatah lagi pada temasya sulung yang diadakan ini.

“Ini adalah satu penghormatan buat saya,” katanya yang akan beraksi dalam acara 100m kuak lentang, 200m kuak kupu-kupu, 50m gaya bebas dan berpasukan, hari ini.